

KEPERCAYAAN KEPADA YANG GHAIB: TUMPUAN KHUSUS KEPADA PERANAN MAKHLUK JIN DALAM KEHIDUPAN MAKHLUK MANUSIA

Oleh
Prof Madya Zakaria Stapa*

Abstract

As well as formulating and covering the real scope and exact definition of the term aqidah or faith from the Islamic perspective, this paper focuses on two main theme as follows: First, the analysis of the nature and the habitual inclination of the Jin, which also includes the Iblis, Syaitan and Ifrit. Second, the discussion pertaining to the classic and eternal emnity between these beings and the human creature, whereby its effect are visible in the lives of the human beings since the beginning of time. Then, in this emnity, as it can be seen clearly, especially in this age, for instance, the humans are on the losing side, and are losing the battle that broke out from this eternal emnity.

MUKADIMAH

Bila kita bercakap mengenai “kepercayaan”, sesungguhnya kita sedang bercakap dalam daerah keimanan dan akidah. Hal ini jelas bila kita, misalnya merujuk kepada *Kamus Dewan*, di mana perkataan “akidah” dalam kamus tersebut merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan (*Kamus Dewan* 1991, s.v. “akidah”). Sedangkan perkataan “keyakinan” - yang merupakan salah satu unsur makna kepada perkataan “akidah” - itu pula dalam kamus tersebut merupakan salah satu unsur makna kepada perkataan “keimanan” (*Kamus Dewan* 1991, s.v. “keimanan”). Maka itu, ungkapan tajuk tulisan ini: “Kepercayaan Kepada Yang Ghaib” adalah merujuk kepada akidah atau

*Pensyarah, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia

keimanan mengenai perkara-perkara yang ghaib. Ini juga bermakna bahawa “akidah” adalah sinonim dengan “iman” atau “keimanan”, yang dalam konteks ini selaras pula dengan penggunaan al-Qur'an seperti yang diulas oleh Dr. Salah 'Abd al-'Alim Ibrahim dalam tulisan beliau *al-'Aqidah fi Daw' al-Qur'an al-Karim* (1982, 7): “Dan apabila kita merujuk kepada al-Qur'an al-Karim kita dapati al-Qur'an mengungkapkan mengenai “akidah” itu dengan istilah “iman”., sebagaimana terungkap dalam firman Allah (Surah Yunus, 10:9) [maksudnya]: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih, Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman [akidah] mereka yang sempurna itu .. .”

Dengan catatan ringkas di atas, maka jelaslah kepada kita bahawa akidah dan iman itu merupakan dua istilah yang mempunyai konotasi makna yang sama, dan dengan itu kedua-duanya boleh ditukar-gantikan penggunaannya.

Seterusnya, perlu dicatatkan bahawa apabila kita bercakap dalam daerah akidah dan keimanan, maka sesungguhnya kita perlu menyentuh dan memberikan perhatian khusus kepada beberapa perkara yang dianggap penting dalam hubungan dengan *subject-matter* akidah atau keimanan ini - iaitu seumpama daerah cakupan definisi akidah itu sendiri, manhaj pengisytihatan akidah dari perspektif Islam serta juga kepentingan akidah dalam kehidupan seharian seseorang Muslim - supaya dengan itu satu kefahaman yang jelas mengenai akidah akan terbina.

I

“Akidah” merupakan satu perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Makna literalnya merujuk kepada “ikatan kemas” atau “simpulan mati” yang melambangkan adanya unsur-unsur makna semacam kekuatan dan keyakinan. Penggunaan perkataan ini dengan bayangan makna yang dibicarakan di sini boleh ditemui dalam firman Allah, Surah al-Ma'idah ayat 89:

(Maksudnya): “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan [untuk bersumpah], akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh”

Di mana ungkapan “sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh - *al-yamin al-mu’aqqadah* dalam ayat di atas adalah merujuk kepada perlakuan yang berasaskan persetujuan dan keyakinan yang disertakan dengan qasad, azam dan niat (Ibrahim 1982, 6). Dalam pembicaraan di sini makna perkataan *al-mu’aqqadah* yang menjadi sifat kepada *al-yamin* itulah yang ada hubungan dengan akidah, iaitu keduaduanya berpunca daripada kata terbitan yang sama--iaitu ‘*aqd-* dan kedua-duanya juga mempunyai unsur makna “keyakinan”.

Bagaimanapun, apabila “akidah” diangkat menjadi istilah khusus atau istilah teknikal, maka ia secara umumnya merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan yang cukup pasti lagi putus terhadap sesuatu, tanpa sebarang rasa syak dan keraguan (al-Sayyid Sabiq t. th., 8). Oleh itu, dalam perspektif Islam, istilah akidah atau iman dalam konteks teknikal ini tidak cukup - untuk ia menjadi benar-benar boleh diterima - sekadar hanya terungkap dalam perisytiharan *verbal* semata-mata, kerana dalam kehidupan biasa cukup ramai sekali kalangan orang munafik yang hipokrit mengisyiharkan secara *lip service* bahawa mereka beriman, sedangkan di hati mereka tidak pun wujud walau sekelumit iman. Hal seumpama ini terungkap dengan jelas dalam kenyataan al-Qur'an:

(Maksudnya): “*Di antara manusia ada yang mengatakan: Kami beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya menipu diri mereka sendiri, sedang mereka tidak sadar*” (al-Baqarah, 2:8-9).

Istilah akidah atau iman yang tulen itu, dalam pandangan Islam, tidak juga hanya merujuk kepada penunaian serta pelaksanaan tugas-tugas atau syiar tertentu seperti yang selayaknya dilaksanakan oleh kalangan orang yang memiliki akidah. Kerana terdapat ramai kalangan dajal yang hanya bermuka-muka dan menunjuk-nunjuk seolah mereka melakukan perkara kebaikan, sedang hati penuh dengan kedurjanaan dan tidak ikhlas kepada Allah. Perkara seumpama inilah yang dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya seperti di bawah:

(Maksudnya): “*Sesungguhnya orang munafik itu menipu Allah, dan Allah akan membalaas tipuan mereka. Dan apabila mereka berdiri untuk sembahyang, mereka berdiri dengan malas, mereka*

bermaksud riya' [dengan sembahyang tersebut] di hadapan manusia. Dan tidaklah mereka menyebut [mengingati] Allah kecuali sedikit sekali" (al-Nisa', 4:142).

Demikian pula halnya istilah akidah sejati dalam perspektif Islam itu tidak hanya bermaksud kefahaman mental yang jelas dimiliki oleh seseorang mengenai hakikat akidah atau iman, kerana banyak golongan orang yang memahami dengan baik sekali hakikat iman atau akidah - seumpama kalangan sebahagian para orientalis pada zaman kita ini - namun mereka tetap juga tidak mempercayai atau meyakini akidah berkenaan. Kalangan seumpama inilah yang diungkapkan oleh Allah dalam firman-Nya:

(Maksudnya): "Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongan [mereka], sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan" (al-Naml, 27:14).

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas dapat disimpulkan di sini bahawa akidah atau iman yang tulin itu, dari perspektif Islam, bukan hanya sesuatu yang tertumpu semata-mata kepada kerja-kerja yang berlangsung pada peringkat lidah, anggota badan serta mental seseorang. Ia malahan, secara tepat, sesungguhnya merujuk kepada suatu kerja atau pelaksanaan yang berlangsung pada peringkat spiritual atau diri dalaman seseorang manusia yang amat mendalam, sehingga ia dapat menguasai sepenuhnya kesedaran, kemahuan dan perasaan orang berkenaan. Dalam kata lain, *essence* akidah atau iman yang tulen itu mestilah mengandungi ciri-ciri berikut:

1. Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berasaskan kefahaman minda dan ilmu yang mantap. Dan kemantapan ilmu itu pula mestilah diperolehi daripada sumber yang sah, iaitu daripada wahyu Ilahi;
2. Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berada dalam keadaan yang cukup teguh sehingga ia tidak boleh menerima sebarang bentuk syak dan tidak mungkin digugat oleh sebarang argumen lain; iaitu bentuk akidah atau keyakinan sebagaimana yang terungkap dalam firman Allah:

(Maksudnya) "Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu (al-Hujurat, 49:15);

3. Kepercayaan dan keyakinan itu mesti pula diikuti bersama dengan ketaatan atau kepatuhan hati dan penyerahan iradah atau kemahuan untuk mempraktiskan segala hukum atau suruhan dengan penuh rasa rela tanpa sebarang bantahan;
4. Kepercayaan dan keyakinan itu mestilah berupaya menjadi pencetus segala aktiviti dan perlakuan pemiliknya, iaitu pada taraf wujudnya rasa kemahuan yang amat berkobar-kobar untuk melaksanakan kerja dan suruhan yang terkandung dalam akidah yang dipegang (al-Maydani 1966, i:29-3 1; dan al-Qardawi 1977, 15-18).

Hanya setelah semua ciri di atas terpenuh secara sempurna dalam kepercayaan dan keyakinan seseorang, barulah akidah itu terangkat menjadi akidah dalam pengertiannya yang sejati. Tanpa sampai ke tahap, dan tidak terbentuk dalam acuan serta ciri-ciri seperti yang dicatatkan di atas, maka ia hanya mungkin dianggap sebagai, barangkali, suatu “idea”, atau “teori” atau juga “pandangan”; bukannya akidah dalam sifatnya sebagai satu istilah yang teknikal (al-Qardawi 1977, 17).

Oleh itu, apabila istilah akidah bersama dengan segala ciri miliknya itu dihubungkan dengan Islam misalnya, - lalu tentunya menerbitkan ungkapan “akidah Islam” - maka pastinya kepercayaan dan keyakinan terhadap Islam itu berada pada satu kedudukan atau taraf yang setiap sudutnya dinaungi oleh semua ciri akidah yang disebutkan di atas. Maka itu, akan muncullah satu bentuk akidah yang benar kerana ia bersumberkan kemantapan ilmu yang disedut secara sah daripada wahyu Ilahi; di samping ia juga cukup kental dan malahan cukup dinamik, yang akan membawa para pemiliknya melaksanakan segala tugas keagamaan - dalam bentuk suruhan atau larangan - dengan penuh tekun, tanpa sebarang dalih.

Selanjutnya, dalam hubungan dengan manhaj penetapan atau pengitbatan perkara-perkara yang tergolong ke dalam ruang lingkup akidah, maka kita dapati, sebagaimana terungkap dengan jelas dalam pandangan Islam, ia mestilah diasaskan kepada sesuatu yang sah pengitbatannya menerusi dalil yang *qat'i* yang bebas daripada sebarang unsur keraguan. Maka itu, perkara-perkara yang boleh digolongkan ke bawah naungan akidah itu semestinya hanyalah perkara-perkara yang jelas boleh diitbatkan menerusi dalil al-Qur'an - yang pendalilannya jelas bersifat *qat'i* - dan juga al-Sunnah yang mencapai taraf *al-Mutawatirah* sahaja (al-Buti 1402H., 318; Ayyub 1971, 155; dan al-Khabbaz

1972, 74-75).

Kenyataan di atas bermakna bahawa perkara yang bersangkutan dengan akidah dan keimanan itu tidak mungkin diterima daripada perkara yang hanya diistibatkan menerusi Hadith *Masyhur*, dan lebih-lebih lagi, tentunya, Hadith *Ahad*. Ia juga bukannya perkara-perkara yang boleh dilakukan ijтиhad oleh, misalnya, kalangan ‘ulama’. Dalam kata lain, kewajipan beriman - dalam taraf yang boleh menyebabkan seseorang itu akan menjadi kafir kalau tidak beriman - hanyalah akan menjadi pasti apabila sesuatu perkara itu telah teribat menerusi dalil daripada al-Qur'an dan Hadith yang *mutawatir* sahaja. Oleh itu, perihal mengenai azab kubur misalnya, yang hujah mengenainya diambil hanya daripada Hadith-Hadith yang tidak bertaraf *mutawatir*, adalah tidak dianggap sebagai satu bahagian daripada aspek akidah yang boleh menyebabkan kalangan orang yang tidak mempercayainya menjadi kafir, sebagaimana tidak ada seorang pun daripada kalangan umat Islam yang mengkafirkhan golongan Mu'tazilah misalnya, yang jelas mengingkari perihal berlakunya azab kubur tersebut (al-Khabbaz 1972, 74-75).

Beralih kepada persoalan kepentingan akidah dalam kehidupan sehari-hari seseorang Muslim, maka perlu dinyatakan bahawa akidah merupakan perkara yang cukup asas dan mendasar sekali. Ia bagaikan “batang” yang subur kepada sepoohon pokok, di mana semua dahan dan ranting pokok berkenaan amat memerlukannya bagi mendapatkan ruang untuk boleh tumbuh dan berkembang di atasnya. Demikianlah tamsilnya, di mana akidah yang benar yang tidak terseleweng diperlukan oleh seseorang manusia untuk menjadi asas bagi membolehkan semua amal kebaikan sehariannya, yang dilakukannya demi untuk mencari keredaan Allah, diterima dengan baik di sisi Allah. Ini ialah kerana akidah yang tidak benar dan terseleweng - iaitu bagaikan “batang” pokok yang tidak subur dan kering yang tidak mungkin boleh menumbuhkan dahan atau ranting - akan menyebabkan pemiliknya menjadi kafir, dan Allah sekali-kali tidak akan menerima amalan golongan orang-orang kafir (Ayyub 1971, 7-8).

Intisari kandungan perbincangan di atas terungkap secara jelas dalam ayat-ayat al-Qur'an yang kita catatkan di bawah:

(Maksudnya): “ . . . dan sesiapa di antara kamu yang murtad [berpaling tадах] dari agamanya [agama Islam], lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian rosak binasalah amal usahanya [yang baik] di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya

[selama-lamanya]” (al-Baqarah, 2:217).

(Maksudnya): “ . . . dan barang siapa yang kafir [ingkar] sesudah beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalannya atau tidak ada faedah amalannya, dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi” (al-Ma’idah, 5:5)

Gugusan ayat-ayat di atas menjelaskan bahawa kalangan orang yang terseleweng akidah lalu menjadi kafir, maka segala amal perbuatan yang baik yang dilakukan dalam kehidupan harian mereka, telah tidak diterima oleh Allah dan menyebabkan mereka menjadi amat rugi dan cukup malang dalam kehidupan akhirat nanti. Oleh itu, akidah yang benar ternyata menjadi amat penting dalam kehidupan seharian seseorang manusia, kerana ia berfungsi sebagai piawai penentu nilai dan kedudukan segala aktiviti dan amal perbuatan seseorang dalam kehidupannya.

Dalam hubungan ini, manusia sepatutnya tidak wajar memperjudikan untung nasib kehidupan mereka, khususnya kehidupan akhirat, dengan cara tidak memberi perhatian berat terhadap permasalahan akidah yang mereka anuti. Akidah merupakan perkara yang perlu jelas dan selesai; tidak boleh sekali-kali berada dalam keadaan teragak-agak dan tidak menentu, kerana membenarkan akidah berada dalam keadaan sedemikian, bermakna seseorang itu sedang menempah celaka, khususnya kecelakaan dalam kehidupan akhirat.

II

Bagaimanapun, dalam konteks penulisan ini secara khusus, maka fokus pembicaraan akan ditumpukan kepada persoalan akidah atau keimanan berhubung dengan perkara-perkara ghaib yang secara khusus lagi difokus kepada aspek peranan makhluk jin dalam kehidupan makhluk manusia. Ini bermakna bahawa, dalam konteks di sini, semua ciri yang menunjangi istilah akidah yang dibincangkan sebelum ini, menjadi terfokus kepada kepercayaan dan keyakinan terhadap aspek-aspek yang menjadi tumpuan khusus tersebut.

Kalau ditinjau sepanjang lembaran al-Qur'an bagi mendapatkan asas bertolak untuk memulakan perbincangan mengenai *subject-matter* yang menjadi fokus penulisan ini, maka kita akan bertemu pada satu tempat Allah ada mengungkapkan firman-Nya: “*alladhina yu’m inuna bi al-ghayb* - iaitu

orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib” (al-Baqarah, 2:3). Potongan pendek firman Allah ini memerihalkan salah satu sifat yang asasi bagi golongan orang yang bertakwa; iaitu kalangan orang yang bertakwa itu semestinya terdiri daripada orang-orang yang berpegang kepada akidah berhubung dengan, atau beriman kepada, perkara yang ghaib. Ini bermakna bahawa persoalan “kepercayaan kepada yang ghaib” itu merupakan satu perkara yang amat penting dalam Islam, kerana dalam pandangan Islam “ketakwaan” adalah satu sifat yang amat penting dan mulia, sebagaimana yang terungkap dalam salah satu firman Allah:

[Maksudnya]: “Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu” (al-Hujurat, 49: 13).

Selanjutnya, kalau kita meminjam pandangan al-Raghib al-Asfahani untuk memahami siratan makna konsep *al-ghayb* yang terdapat dalam potongan ayat pendek di atas, maka kita diberitahu - sebagaimana tercatat dalam kitab beliau *Mufradat al-Qur'an* - bahawa ia merujuk kepada setiap perkara yang berada di luar upaya pancaindera untuk mencapainya; iaitu setiap sesuatu yang terselidung dan tidak terjangkau oleh pancaindera manusia. Dengan itu, potongan ayat di atas sesungguhnya merujuk kepada kalangan orang yang percaya dan memperakarkan kebenaran perkara yang tidak nampak dan tidak boleh dicapai oleh pancaindera mereka, seperti hal-hal berhubung dengan kebangkitan, syurga, neraka, *al-sirat*, hisab dan perkara-perkara lain yang diberitahu oleh al-Qur'an atau oleh Nabi Muhammad s.'a.w. (al-Sabuni 1981, I:31, 32).

Berdasarkan tafsiran di atas, yang menjelaskan bahawa perkara ghaib yang menjadi akidah pegangan golongan orang yang bertakwa itu merujuk kepada sejumlah perkara, bukan hanya satu perkara sahaja, maka kita dapat istilah teknikal yang digunakan dalam disiplin ilmu Usuluddin untuk mengungkap perihal ini ialah, sama ada, istilah *al-ghaybiyyat* atau *al-sam'iyyat*, iaitu kedua-duanya diungkapkan dalam bentuk kata jamak.

Istilah *al-ghaybiyyat*, atau kadang-kadang disebut juga sebagai *al-mughibat*, sebenarnya merujuk kepada perkara-perkara yang di luar jangkauan pancaindera manusia, di mana kesan-kesan daripada perkara tersebut tidak boleh ditemui atau dikesani oleh manusia di sekitar kehidupan harian biasa mereka, dan tidak pula ada jalan lain untuk mengetahui serta mengimannya selain daripada menerusi jalan perkhabaran atau dalil yang boleh diyakini lagi *qat'i*, iaitu tentunya perkhabaran yang diberitahu oleh dua saluran autentik

dalam Islam - al-Qur'an dan al-Sunnah (Ayyub 1971, 154; dan al-Buti 1402H., 301).

Kemudian, istilah *al-sam'iyyat* pula merujuk kepada perkara-perkara yang tidak ada jalan lain untuk manusia dapat mengetahuinya selain daripada perkhabaran yang diberitahu oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Akal manusia, dalam hubungan ini, tidak mungkin dipergunakan bagi mencapai pengetahuan mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam daerah ini. Adapun sebab mengapa perkara-perkara yang termasuk ke dalam daerah ini dinamakan sebagai *al-sam'iyyat* ialah kerana pada asalnya al-Qur'an dan al-Sunnah, yang menjadi sumber laluan kepada sebarang bentuk pengetahuan manusia di daerah ini, adalah sampai kepada mereka menerusi cara *al-sima'*, iaitu cara pendengaran (Ayyub 1971, 154).

Jadi, kedua-dua istilah ini diguna-pakai dalam pengajian disiplin Usuluddin untuk mengungkapkan jenis kandungan ilmu manusia yang sampai kepada mereka menerusi saluran perkhabaran yang diyakini lagi *qat'i*. Oleh itu, selalunya dalam penjelasan al-Qur'an terhadap kewajipan manusia mengimani perkara-perkara yang termasuk ke dalam daerah ini, ia didahului dengan kewajipan mengimani ketuhanan Allah, seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah:

(Maksudnya): “ . . . siapa sahaja di antara mereka yang benar-benar beriman kepada Allah dan [beriman kepada] hari akhirat serta beramal salih . . . ” (*al-Baqarah*, 2:62).

(Maksudnya): “Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat (Ali ‘Imran 3:114).

Pengaitan kepercayaan atau keimanan kepada hari akhirat - iaitu sebahagian daripada perkara yang termasuk ke dalam daerah *al-sam'iyyat* dan *al-ghaybiyyat* - dengan kepercayaan kepada ketuhanan Allah seperti yang terdapat dalam ayat-ayat di atas adalah nyatanya bermaksud untuk memberi daya kekuatan dan pengesahan kepada perkhabaran-perkhabaran yang berbentuk *sam'iyyat* dan *ghaybiyyat* tersebut. Logiknya di sini ialah perkhabaran yang menjadi saluran mutlak kepada perolehan pengetahuan atau maklumat mengenai *al-sam'iyyat* dan *al-ghaybiyyat* itu adalah datangnya daripada sumber agama yang bertitik tolak daripada kepercayaan kepada Allah. Oleh itu, apabila keyakinan dan keimanan kepada Allah sudah selesai dan mantap dalam penerimaan seseorang, maka apa-apa pun juga maklumat yang dikhabarkan

menerusi saluran yang sudah dipercayai atau diimani itu akan juga diterima oleh orang berkenaan tanpa sebarang soal lagi.

Seterusnya, untuk melihat secara yang lebih detil mengenai perkara-perkara yang tergolong ke dalam daerah *al-sam'iyyat* atau *al-ghaybiyyat* ini, maka adalah dikira wajar di sini diperturunkan senarai komprehensif mengenai kefahaman iman atau akidah yang wajib diimani oleh setiap orang yang bergelar Muslim (Sayyid Sabiq t. th., 8)

Kefahaman iman atau akidah itu terdiri daripada enam perkara:

Pertama: ma'rifah Allah berserta dengan nama-nama-Nya yang *husna* dan sifat-sifat-Nya yang maha tinggi, memahami dan mengenali dalil-dalil kewujudan-Nya serta tanda-tanda kebesaran-Nya yang terdapat di alam tabii;

Kedua: ma'rifah pelbagai alam yang berada di luar alam tabii yang tidak dapat dijangkau oleh pancaindera, iaitu yang terdiri daripada daya kebaikan yang diwakili oleh para Malaikat serta daya kejahanan yang diwakili oleh Iblis dan para tenteranya yang terdiri daripada kalangan para Syaitan. Juga mengenali dan mengetahui perkara yang terdapat dalam alam berkenaan yang terdiri dari kalangan para jin dan pelbagai roh;

Ketiga: ma'rifah akan kitab-kitab Allah yang diturunkan untuk menentukan tanda-tanda kebenaran dan kebatilan, kebaikan dan kejahanan, halal dan haram, baik dan buruk;

Keempat: ma'rifah para nabi Allah dan para Rasul-Nya yang dipilih oleh Allah untuk menjadi tanda jalan ke arah hidayah dan pemimpin makhluk ke arah kebenaran;

Kelima: ma'rifah mengenai hari akhirat serta perkara-perkara yang terdapat di dalamnya daripada perihal mengenai kebangkitan, pembalasan, pahala, siksa, syurga dan neraka;

Keenam: ma'rifah mengenai qadar yang di atasnya berjalan peraturan alam yang berhubung dengan penciptaan dan pentadbiran.

Daripada kesemua perkara yang dicatatkan di atas, maka kita dapat para 'ulama' muktabar dalam disiplin Usuluddin menjelaskan bahawa apa yang termasuk ke dalam daerah *al-sam'iyyat* atau *al-ghaybiyyat* hanyalah dua perkara

sahaja, iaitu perkara kedua dan perkara kelima. Bagaimanapun, skop perbincangan tulisan ini akan hanya tertumpu secara khusus kepada sebahagian sahaja daripada perkara kedua tersebut, iaitu - sebagaimana yang dicatatkan sebelum ini - yang bersangkutan dengan alam jin serta hal-hal makhluk tersebut yang ada hubungan dengan kehidupan makhluk manusia.

III

Maka itu, antara aspek-aspek yang akan cuba diliputi dalam tulisan ringkas ini ialah sekitar kewajipan mengimani kewujudan makhluk jin ini, di samping sifat-sifat serta tabiinya dan juga hubung kait atau peranannya dalam kehidupan makhluk manusia.

Sesungguhnya jin merupakan sejenis makhluk yang tergolong ke dalam kategori pelbagai makhluk ghaib, dan malahan penamaannya sebagai jin itu sendiri adalah disebabkan oleh keadaan keghaiban atau terselindungnya makhluk ini dari pandangan mata kasar manusia (al-Ashqar 1984, 11). Namun, kewajipan mengimani atau mempercayai kewujudannya oleh setiap manusia Muslim - walaupun tidak dapat diinderawi - adalah sesuatu yang cukup jelas terithbat menerusi al-Qur'an dan al-Sunnah, kerana sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Buti dalam tulisan beliau *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyah* "sesungguhnya perkara-perkara yang wujud itu adalah jauh lebih umum atau lebih besar [skop cakupannya] daripada perkara-perkara yang dapat dilihat oleh manusia, iaitu [dalam kata lain] bukan semua perkara yang wujud itu berada di bawah taklukan indera penglihatan [manusia]" (1402H., 281).

Di antara dalil-dalil *qat'i* yang mengitihbatkan kewujudan makhluk jin ini adalah seperti di bawah:

(Maksudnya): "*Dan [singatlah] Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku*" (al-Dhariyat, 51:56-57).

(Maksudnya): "*Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi [untuk melarikan diri dari kekuasaan Kami], maka cubalah kamu*

menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan [yang dapat mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat!]" (al-Rahman, 55:33).

Dalam gugusan ayat-ayat di atas secara jelas menunjukkan bahawa di samping makhluk manusia itu terdapat sejenis lagi makhluk ciptaan Allah yang diberi nama sebagai jin. Makhluk jin tersebut ternyata mempunyai tanggungjawab terhadap Allah dan juga tertakluk di bawah kekuasaan Allah sepetimana makhluk manusia juga. Dengan adanya kenyataan-kenyataan daripada al-Qur'an seperti di atas, maka setiap Muslim wajib mengimani kewujudan makhluk jin tersebut.

Seterusnya, berdasarkan kenyataan-kenyataan al-Qur'an dan al-Sunnah juga, maka kita dapat memahami bahawa makhluk jin ini merupakan sejenis makhluk yang mempunyai tabii dan hakikat diri serta sifat dan perwatakan yang tersendiri, yang berbeza daripada makhluk-makhluk Allah yang lain. Hal ini dapat diperihalkan sebagai di bawah (al-Maydani 1966, ii: 25-32; Ayub 1971, 162-177):

1. Jin merupakan makhluk yang dijadikan daripada sejenis api bersih lagi tulen - iaitu lidah api - yang tidak mengeluarkan sebarang asap (*al-marij*), dan mempunyai bahang kepanasan yang amat panas (*al-samum*). Perihal ini terungkap dalam firman-firman Allah berikut :

(Maksudnya): "Dan Dia [Allah] telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang" (al-Rahman, 55:15).

(Maksudnya): "Dan jin pula, Kami jadikan dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu rompa" (al-Hijr, 15:27).

Dan perlu dijelaskan di sini bahawa istilah "*aljann*" yang digunakan oleh al-Qur'an dalam kedua-dua ayat di atas, menurut pandangan para ahli tafsir, adalah dirujukkan kepada jin yang paling awal dijadikan, iaitu bapa segala jin.

2. Makhluk jin diciptakan oleh Allah lebih awal daripada penciptaan manusia. Hal ini dapat difahami berdasarkan beberapa ayat al-Qur'an seperti di bawah:

(Maksudnya): "Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia [Adam] dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Dan jin pula,

Kami jadikan dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu rompa (al-Hijr, 15:26-27).

(Maksudnya): “*Dan [singatlah peristiwa] tetakala Kami berfirman kepada malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam; lalu mereka sujud melainkan iblis; ia adalah berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhanmu*” (al-Kahf, 18:50).

Berdasarkan gugusan ayat-ayat al-Qur'an di atas - iaitu sama ada gugusan pertama yang menyebut secara jelas ungkapan “*min qabl* - sebelum itu”, atau gugusan kedua yang menggambarkan perintah suruhan sujud kepada Adam sewaktu penciptaan Adam sempurna diciptakan oleh Allah - ternyata bahawa jin telah diciptakan oleh Allah lebih awal daripada manusia.

3. Makhluk jin berkahwin, berketurunan dan mempunyai zuriat. Hal ini jelas terungkap dalam ayat-ayat al-Qur'an seperti di bawah:

(Maksudnya): “*Dan [singatlah peristiwa] tatkala Kami berfirman kepada malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam; lalu mereka sujud melainkan iblis; ia adalah berasal dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhanmu. Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripada-Ku? Sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim: pengganti yang mereka pilih itu*” (al-Kahf, 18:50).

(Maksudnya): “*Dan bahawa sesungguhnya adalah [amat salah perbuatan] beberapa orang daripada manusia, menjaga dan melindungi diri mereka dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombang dan jagat*” (al-Jin, 72:6).

(Maksudnya): “[Bidadari-bidadari itu] tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan tidak juga oleh jin” (al-Rahman, 55:74).

Dalil-dalil al-Qur'an di atas memerihalkan dengan jelas perihal makhluk jin yang sesungguhnya mempunyai zuriat serta berlakunya perkahwinan di kalangan mereka. Kewujudan zurait jin terpampang dengan jelas menerusi ayat 50 surah

al-Kahf di atas. Sedangkan terjadinya perkahwinan di kalangan mereka dapat difahami menerusi dua ayat daripada surah al-Jin dan surah al-Rahman di atas. Apa yang terungkap dalam surah al-Jin tentang adanya kalangan *rijul min al-jin* membolehkan kita membuat kesimpulan tentang adanya pula kalangan *inath* (jenis perempuan) daripada kalangan jin yang membolehkan terjadinya perkahwinan. Demikian pula halnya dengan ayat dalam surah al-Rahman yang memerihalkan persoalan sentuhan para suami dari kalangan manusia dan jin terhadap para bidadari di syurga yang dapat menggambarkan perihal berlakunya hubungan jentina di kalangan jin sebagaimana yang terjadi di kalangan manusia.

4. Dalam keadaan biasa makhluk jin tidak dapat dilihat oleh manusia, tetapi sebaliknya mereka dapat melihat manusia. Hal ini terungkap dengan jelas dalam ayat di bawah yang memerihalkan perihal golongan syaitan:

(Maksudnya): “... sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman” (al-A’raf, 7:27).

5. Kalangan jin boleh menerima ilmu dan ma’rifah, mempunyai iradah dan ikhtiar, mereka merupakan makhluk yang ditaklif dengan keimanan dan ibadat, dan mereka juga ditegah daripada melakukan maksiat dan kufur. Ayat-ayat daripada al-Qur'an yang mengenakan pentaklifan serta mengemukakan beberapa cabaran tertentu adalah dengan jelas ditujukan secara sekali gus kepada makhluk manusia dan jin. Hal ini dapat diperhatikan dalam ayat-ayat di bawah:

(Maksudnya): “Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayat-Ku [perintah-perintah-Ku], dan yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari [kiamat] ini? Mereka menjawab: Kami menjadi saksi mengakui akan [kesalahan] diri kami sendiri [mendustakan rasul-rasul itu]. Dan [sebenarnya ialah] mereka telah diperdayakan oleh [kemewahan] hidup di dunia dan [kerana itulah] mereka menjadi saksi [pada hari akhirat] terhadap diri mereka sendiri: [bahawa] sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang mengingkari [apa yang telah disampaikan oleh rasul-rasul itu]” (al-An’am, 6:130).

(Maksudnya): “Katakanlah [wahai Muhammad]: Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Qur'an ini, maka mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri” (al-Isra', 17:88).

(Maksudnya): “Dan [singatlah] Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku” (al-Zariyat, 51:56-57).

6. Makhluk jin terdiri daripada dua golongan, iaitu golongan yang beriman kepada Allah dan golongan yang kafir. Dalam surah al-Jin terdapat sejumlah ayat yang membolehkan kita membuat kesimpulan tentang hal ini. Ayat-ayat berkenaan ialah seperti di bawah:

(Maksudnya): “Katakanlah [wahai Muhammad]: Telah diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya satu rombongan jin telah mendengar[al-Qur'an yang aku bacakan], lalu mereka [menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan] berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar al-Qur'an [sebuah kitab suci] yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan! Kitab yang memberi panduan ke jalan yang betul, lalu kami beriman kepadanya, dan kami tidak sekali-kali akan mempersekutukan sesuatu makhluk dengan Tuhan kami” (al-Jin, 72:1-2).

(Maksudnya): “Dan bahawa sesungguhnya [dengan datangnya al-Qur'an, nyatalah] ada di antara kita golongan yang beragama Islam, dan ada pula golongan yang [kufur derhaka dengan] menyeleweng dari jalan yang benar; maka sesiapa yang menurut Islam [dengan beriman dan taat], maka merekalah golongan yang bersungguh-sungguh mencari dan menurut jalan yang benar. Adapun orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar, maka mereka menjadi bahan bakaran bagi neraka Jahanam” (al-Jin, 72:14-15).

7. Pada hari kiamat golongan jin akan dikumpul dan dihisab segala amal perbuatan mereka untuk diberi sama ada balasan baik dengan kenikmatan atau

balasan jahat dengan seksaan. Firman-firman Allah di bawah boleh menjelaskan hal ini:

(Maksudnya): “Dan [ingatlah] hari [kiamat yang padanya] Allah akan himpulkan mereka semua, [lalu berfirman]: Wahai sekalian jin [syaitan-syaitan]! Sesungguhnya kamu telah banyak pengikut-pengikut daripada manusia. Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: Wahai Tuhan kami, sebahagian dari kami [manusia] telah bersenang-senang [mendapat kemudahan] dengan sebahagian yang lain [syaitan-syaitan], dan kami telah sampailah kepada masa kami [hari kiamat] yang telah Engkau tentukan bagi kami. [Allah berfirman]: Nerakalah tempat kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya, kocuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Tuhanmu [wahai Muhammad] Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui” (al-An'am, 6:128).

(Maksudnya): “ . . . Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka Jahanam dengan sekalian jin dan manusia [yang berdosaj]” (Hud, 11: 119).

8. Golongan jin mempunyai berbagai upaya atau kekuatan yang hebat serta mempunyai kemahiran pertukangan yang luar biasa. Penjelasan al-Qur'an yang melibatkan penguasaan dan penggunaan makhluk jin oleh Nabi Sulaiman 'a.s. untuk melaksanakan berbagai tugas boleh menjelaskan perihal ini:

[Maksudnya]: “Dan [Kami mudahkan bagi Sulaiman memerintah] jin syaitan; [ia memerintah] golongan-golongan yang pandai mendirikan bagunan, dan yang menjadi penyelam [bagi menjalankan kerja masing-masing]” (Sad, 38:37).

[Maksudnya]: “ . . . dan [Kami mudahkan] sebahagian daripada jin untuk berkerja di hadapannya dengan izin Tuhananya. Dan sesiapa daripada jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami, Kami akan merasakannya [pukulan] dari azab api neraka. Golongan jin itu membuat untuk Nabi Sulaiman apa yang ia kehendaki dari bangunan-bangunan yang tinggi, dan patung-patung, dan pinggan-pinggan hidangan yang besar seperti kolam, dan periok-periok besar yang tetap di atas tungkunya ” (Saba', 34: 12-13).

9. Sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.'a.w. golongan jin boleh mengetahui berita dari langit menerusi pemberitahuan yang dibuat oleh para malaikat. Berita berkenaan, kemudiannya, diberitahu kepada sekutu mereka dari kalangan manusia yang berada di bumi. Dalam kes ini ada catatan daripada Ibn 'Abbas yang mengatakan bahawa dalam tempoh senggang di antara Nabi 'Isa 'a.s. dan kebangkitan Nabi Muhammad s.'a.w. kalangan jin menuju ke langit untuk mendengar perkhabaran langit, dan perkhabaran tersebut kemudiannya diberitahu kepada para ahli nujum atau peramal nasib. Namun, apabila Nabi Muhammad s.'a.w. telah dibangkitkan, langit telah dikawal dan perkhabaran langit tidak lagi dapat diperolehi oleh kalangan jin dan syaitan, malah panah-panah api dihantar ke arah mereka supaya mereka tidak dapat menghampiri langit. Perihal ini terungkap dengan jelas dalam firman Allah di bawah:

[Maksudnya]: "Dan sesungguhnya kami telah mencuba mengetahui [rahsia] langit, maka kami mendapatinya penuh dengan penjagaan yang kuat dan panah-panah api. Dan sesungguhnya kami dahulu dapat menduduki beberapa tempat di langit itu untuk mendengar-dengarkan [berita-beritanya]. Tetapi sekarang, barangsiapa yang [mencuba] mendengar-dengarkan [seperti itu] tentu akan menjumpai panah api yang mengintai [untuk membakarnya]" (al-Jin, 72:8-9).

10. Kalangan jin makan dan minum, namun cara makan serta bahan yang dimakan oleh golongan jin ini tidaklah diketahui dengan jelas oleh manusia. Bagaimanapun, Allah membekalkan kepada mereka bahan-bahan seumpama tulang, tahi binatang ternak serta juga arang kayu sebagai rezeki bagi mereka. Hadis-hadis yang disabda oleh Rasulullah s.'a.w. seperti di bawah dapat menjelaskan fakta ini:

[Maksudnya]: "Daripada Ibn Mas'ud yang berkata bahawa Rasulullah s.'a.w. bersabda: "Hendaklah kamu jangan beristinja' dengan menggunakan tahi binatang ternak, dan jangan juga menggunakan tulang; sesungguhnya bahan-bahan tersebut merupakan bekal kepada para saudara kamu daripada kalangan makhluk jin" (Hadis riwayat Muslim dan al-Tirmidhi).

[Maksudnya]: "Daripada Ibn Mas'ud juga yang menjelaskan: Tatkala satu rombongan jin datang mengunjungi Nabi s.'a.w. mereka berkata: "Wahai Rasulullah, tegahlah umatmu daripada

melakukan istinja' dengan menggunakan tulang atau tahi binatang ternak atau arang kayu; sesungguhnya Allah jadikan bahan-bahan tersebut sebagai rezeki kepada kami. Dengan itu, kata Ibn Mas'ud, Rasulullah s.'a.w. telah menegah kami daripada berbuat demikian" (Hadis riwayat Abu Dawud).

11. Makhluk jin juga diberi upaya untuk boleh berubah rupa dan bentuk, lalu menjelma dalam pelbagai bentuk dan rupa yang bersifat jasmani sama ada jasmani manusia ataupun binatang, sehingga manusia dengan persediaan yang ada padanya boleh melihat makhluk tersebut. Perihal yang dicatatkan oleh Ibn Ishaq serta juga orang lain mengenai sebab turunya ayat 48, Surah al-Anfal boleh menjadi bukti yang jelas dalam hubungan ini. Catatan tersebut menceritakan bahawa kaum musyrikin Mekah berangkat ke medan perang Badar bersama Iblis yang menjelmakan dirinya dalam rupa Saraqah b. Malik al-Kanani, iaitu pemimpin Bani Kananah yang amat digeruni dan disegani oleh kaum Quraisy. Lalu Iblis - dengan kesempatannya menjelma sebagai Saraqah tersebut - telah menjanjikan bantuan bagi mempastikan kemenangan kepada pihak kaum musyrikin Mekah. Namun, apabila kedua-dua bala tentera Islam dan musyrikin bertempur dalam medan perang tersebut, di mana tentera Islam telah diperkuatkan oleh bantuan para malaikat yang diturunkan dari langit, Iblis telah berundur lari dari medan perang tersebut sehingga kaum musyrikin tercari-cari kehairanan ke mana perginya "Saraqah".

Demikianlah sebahagian daripada hakikat diri serta sifat-sifat tabii yang dimiliki oleh makhluk jin sebagaimana yang terhurai sepanjang nas-nas al-Qur'an dan Hadis. Oleh kerana semua hakikat dan tabii ini terungkap dalam al-Qur'an dan Hadis, maka segalanya itu mesti dipercayai dan diimani sepenuhnya oleh setiap umat Islam.

IV

Selanjutnya, satu perkara yang perlu diberi perhatian di sini ialah mengenai beberapa istilah yang digunakan oleh al-Qur'an berhubung dengan makhluk jin, yang sebahagiannya telah kita petik dan gunakan sebagai dalil kepada pemerihalan hakikat dan tabii makhluk jin seperti dalam bahagian III di atas. Di samping istilah jin itu sendiri, kita masih boleh temui, sepanjang penggunaan al-Qur'an, istilah-istilah lain seumpama Iblis, syaitan atau *al-shayatin*, serta juga

'ifrit yang konotasinya kelihatan semacam terhubung secara langsung dengan istilah jin. Kita perlu membuat pencerakinan yang sedikit lebih teliti untuk menentukan apakah dalam perspektif al-Qur'an keempat-empat istilah tersebut merujuk kepada perkara atau *subject-matter* yang sama atau sebaliknya.

Dalam hubungan dengan istilah Iblis - terungkap sepanjang lembaran al-Qur'an sebanyak sebelas kali ('Abd al-Baqi 1981, 134) - yang pengertiannya dalam penggunaan bahasa Arab dirujukkan kepada kalangan yang di sisinya tidak ada apa-apa kebaikan disebabkan oleh sikap kalangan tersebut yang berputus asa terhadap rahmat Allah (al-Ashqar 1984, 16), maka kita boleh temui kenyataan al-Qur'an yang jelas menunjukkan bahawa ia sememangnya dari kalangan jin. Ayat 50 daripada Surah al-Kahf menjelaskan hal ini:

[Maksudnya]: "Dan [ingatlah peristiwa] tatkala Kami berfirman kepada malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam; lalu mereka sujud melainkan iblis; ia adalah berasal daripada golongan jin [kana min al-jin]" (al-Kahf, 18:50).

Gambaran yang terungkap di sini seolah-olah menunjukkan bahawa sejumlah tertentu daripada kalangan makhluk jin yang bersikap putus asa terhadap rahmat Allah adalah dipanggil atau dinamakan sebagai iblis. Dan sebagaimana yang dijelaskan juga oleh al-Qur'an, kalangan iblis ini adalah tergolong ke dalam golongan kafir:

[Maksudnya]: "[Setelah selesai penciptaan Adam] maka sujudlah sekalian malaikat semua sekali. Melainkan Iblis; ia berlaku sombang takbur [mengingkarinya] serta menjadilah ia dari golongan yang kafir [kana min al-kafirin]" (Sad, 38:72-73).

Dengan catatan-catatan di atas bermaknalah bahawa istilah iblis itu sebenarnya dirujukkan kepada golongan makhluk jin yang kafir dan bersikap putus asa terhadap rahmat Allah, bukannya golongan yang Muslim dari kalangan mereka.

Merujuk kepada istilah syaitan pula, kata jamaknya *al-shayatin*, yang pengertian literalnya merujuk kepada sikap sombang dan derhaka, dan dari segi istilahnya dirujukkan kepada golongan makhluk yang bersikap sombang dan derhaka kepada Tuhan-Nya (al-Ashqar 1984, 16) - maka kita tidak boleh temui satu nas yang secara jelas tersurat bahawa ia adalah dari golongan jin. Oleh itu terdapat sedikit perbezaan pendapat di kalangan para 'ulama' dalam menentukan apakah syaitan itu dari golongan atau jenis jin ataupun bukan dari

jenis makhluk yang sama dengan jin. Namun, pandangan yang lebih tepat dan dipegang oleh kalangan jumhur ‘ulama’ yang muktabar mengatakan bahawa syaitan dan jin merupakan makhluk yang sama jenis. Syaitan itu merupakan golongan jin kafir yang bersikap sombong dan derhaka kepada Allah (Ayyub 1971, 164; al-Maydani 1966, ii: 27,28). Fakta tentang kekafiran syaitan terungkap dengan jelas dalam al-Qur'an:

[Maksudnya]: “Mereka {membelakangkan Kitab Allah} dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kokufuran itu, akan tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir [dengan amalan sihirnya]” (al-Baqarah, 2: 102).

Malahan, menurut pandangan pengarang kitab Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir*, perkataan *al-jan* yang terdapat dalam ayat 15 Surah al-Rahman [maksudnya]: “Dan Ia telah menciptakan jin [al-jan] dari lidah api yang menjulangjulang”, adalah merujuk kepada iblis yang termasuk juga golongan syaitan (Basir 1991, 139). Istilah ini, sama ada dalam bentuk mufrad atau jamaknya, terungkap sebanyak lapan puluh lapan kali di sepanjang lembaran al-Qur'an ('Abd al-Baqi 1981, 382-383).

Satu lagi istilah berkaitan yang perlu diberi penjelasan di sini ialah ‘ifrit, yang kata jamaknya menjadi ‘afarit. Menurut pandangan Abu ‘Umar b. ‘Abd al-Bar istilah ‘ifrit dirujukkan kepada kumpulan makhluk jin yang berada pada tahap kemuncak kejahatan dan sifat kekejiannya; iaitu lebih jahat dan lebih keji lagi daripada syaitan dan iblis (Ayyub 1971, 164; Kilani 1991, 6). Dalam al-Qur'an istilah ini digunakan hanya sekali sahaja, iaitu dalam Surah al-Naml, ayat 39, yang secara jelas mengungkapkan bahawa makhluk ‘ifrit ini adalah sememangnya dari golongan jin:


[Maksudnya]: “Berkata ‘ifrit dari golongan jin: Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bagun dari tempat dudukmu” (al-Naml, 27:39).

Walaupun penjelasan al-Qur'an di atas tidak menunjukkan bahawa makhluk jin ‘ifrit tersebut sebagai makhluk jin kafir yang bersikap jahat dan keji, kerana konteks pembicaraannya tidak mengarah ke situ, namun kalangan ‘ulama’ sepakat mengatakan bahawa kumpulan jin ‘ifrit tergolong ke dalam kumpulan jin kafir seperti juga iblis dan syaitan, dan malahan lebih teruk lagi daripada syaitan dan iblis, kerana ‘ifrit, seperti yang dijelaskan oleh Ibn ‘Abd

al-Bar di atas, adalah lambang puncak kepada kejahatan dan kekejadian yang mengatasi kejahatan iblis dan syaitan (Kilani 1991, 9). Sikap jahat dan keji 'ifrit tersebut dapat diperhatikan dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.'a. seperti di bawah:

[Maksudnya]: "Sesungguhnya satu 'ifrit daripada golongan jin yang meludah ke arahku malam tadi supaya aku menjadi lalai dalam sembahyang " (Hadis riwayat Muslim).

Se semua catatan di atas sudah boleh memberi laluan kepada kita untuk memahami dengan jelas sejumlah istilah yang digunakan oleh al-Qur'an berhubung dengan sejenis makhluk ghaib yang dinamakan sebagai jin. Keseluruhan hal ini boleh digambarkan sebagai di bawah:



Jadi, keseluruhan zuriat makhluk jin itu, dari perspektif Islam, dikenali dengan beberapa gelaran atau penamaan berdasarkan sikap dan pegangan hidup mereka, khususnya sikap mereka dalam hubungan dengan Allah. Sesungguhnya, golongan jin kafir yang diwakili sama ada oleh iblis atau syaitan atau juga 'ifrit inilah yang banyak menimbulkan masalah dalam kehidupan makhluk manusia. Mereka sengaja menimbulkan masalah kepada kalangan makhluk manusia kerana sikap permusuhan tradisi yang telah tercetus sejak awal sejarah penciptaan manusia lagi. Episod permulaan tercetusnya permusuhan hebat yang amat banyak mencorakkan keragaman warna kepada keseluruhan senario kehidupan dunia ini telah dirakamkan oleh al-Qur'an seperti yang terungkap dalam gugusan ayat-ayat di bawah:

[Maksudnya]: "Dan [ingatlah] ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabur, dan adalah ia termasuk golongan yang kafir" (al-Baqarah, 2:34).

[Maksudnya]: "Dan [ingatlah] tatkala Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu semua kepada Adam, lalu mereka semua sujud kecuali iblis. Dia berkata: Apakah aku akan sujud kepada orang yang Engkau ciptakan daripada tanah?" (al-Isra', 17:61).

[Maksudnya]: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu [Adam], lalu Kami bentuk tubuhmu, kemudian Kami katakan kepada para malaikat: Bersujudlah kamu kepada Adam; maka merekapun bersujud kecuali iblis. Dia tidak termasuk mereka yang sujud. Allah berfirman: Apakah yang menghalangmu untuk bersujud [kepada Adam] di waktu Aku menyuruhmu? Menjawab iblis: Aku lebih baik daripadanya: Engkau ciptakan aku daripada api, sedang dia Engkau ciptakan daripada tanah" (al-A'raf, 7:11-12).

Gugusan ayat-ayat di atas dapat memerihalkan dengan jelas titik tolak serta sebab musabab berlakunya permusuhan tradisi di antara jin kafir yang diwakili oleh iblis dengan makhluk manusia. Rupa-rupanya iblis telah begitu sombong dan angkuh dengan asal-usul kejadian dirinya yang disangkakan sebagai jauh lebih baik daripada asal-usul kejadian manusia; lantas dia merasakan seolah-olah Allah telah tidak berlaku adil - kerana itu, pada hematnya perlu ditentang - untuk menyuruh dia memberikan tunduk hormat kepada Adam, yang dalam anggapannya jauh lebih rendah nilainya dari dirinya sendiri. Sejak saat itu terisyitharlah suatu episod permusuhan abadi - tanpa akan ada titik kesudahan selama dunia dinamakan dunia - yang cukup kerap diperingatkan oleh Allah kepada makhluk manusia supaya sentiasa berwaspada dan mengambil tindakan yang wajar dalam menghadapi musuh tradisi berkenaan:

[Maksudnya]: "Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu" (al-Baqarah, 2:168).

[Maksudnya]: "Sesungguhnya syaitan itu musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh[mu]" (Fatir, 35:6).

Bertolak daripada peristiwa permusuhan abadi seperti di ataslah, maka secara khusus - berdasarkan perspektif Islam - peranan yang paling utama yang dianggap sebagai misi maha penting kalangan jin kafir dalam hubungan dengan makhluk manusia ialah untuk menjayakan pelaksanaan suatu projek raksasa yang berdwi-matlamat: Iaitu matlamat jangka panjang dan matlamat jangka pendek (al-Ashqar 1984, 55-89; Ayyub 1971, 168-188). Dan sesungguhnya demi untuk melaksanakan tugas besar ini, pihak jin kafir telah memohon tempoh daripada Allah untuk terus hidup hingga ke hari kebangkitan, sambil membulatkan tekad bagi mempastikan kejayaan misi penting mereka ini. Semua hal ini didokumentasikan dengan jelas oleh al-Qur'an untuk menjadi petunjuk dan pedoman kepada makhluk manusia, sesuai dengan matlamat penurunan al-Qur'an itu sendiri sebagai sebuah kitab petunjuk, khususnya kepada kalangan umat manusia yang bertakwa (Lihat al-Baqarah, 2:2):

[Maksudnya]: "Allah berfirman: Turunlah kamu dari syurga itu; kerana kamu tidak sepatutnya menyombongkan diri di dalamnya, maka keluarlah, sesungguhnya kamu termasuk kalangan yang hina. Iblis menjawab: Beri tangguhlah aku sampai waktu mereka dibangkitkan. Allah berfirman: Sesungguhnya kamu termasuk mereka yang diberi tangguh" (al-A'raf, 7:13-15).

[Maksudnya]: "Iblis menjawab: Kerana Engkau telah menghukum aku tersesat, aku benar-benar akan [menghalang-halangi] mereka daripada jalan Engkau yang lurus. Kemudian aku akan mendatangi mereka dari depan dan dari belakang mereka, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakannya mereka bersyukur [taat]" (al-A'raf, 7:16-17).

Matlamat jangka panjang projek besar jin kafir tersebut ialah untuk cuba mengesahkan bahawa makhluk manusia - musuh tradisi mereka - akan tercampak bersama mereka ke dalam neraka, dan terlepas sama sekali peluang untuk masuk syurga di akhirat nanti (al-Ashqar 1984, 55). Matlamat jahat jin kafir ini terungkap dengan jelas dalam al-Qur'an, yang sekali gusnya juga, sebenarnya, berfungsi sebagai amaran dan petunjuk kepada makhluk manusia:

[Maksudnya]: “ . . . kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala” (*Fatir*, 35:6).

[Maksudnya]: “Allah berfirman: Keluarlah kamu dari syurga itu sebagai golongan terhina lagi terusir. Sesungguhnya barangsiapa di antara mereka [manusia] mengikuti kamu, benar-benar Aku akan mengisi neraka Jahanam dengan kamu semuanya” (*al-A'raf*, 7:18).

Kemudian, kalau kita melangsungkan pemerhatian secara teliti, akan jelas kepada kita bahawa matlamat jangka panjang jin kafir ini sebenarnya cuba dilaksanakan menerusi kerja-kerja pada peringkat matlamat jangka pendek mereka. Dan malahan, sesungguhnya, matlamat jangka pendek mereka itu (*al-Ashqar* 1984, 55-67) tidak lain daripada segala apa yang terpantul dalam semua manifestasi peristiwa kedurjanaan yang boleh kita tonton di sekitar kita, menghiasi kanvas kehidupan harian umat manusia sejagat yang amat rencam dan berbagai sekali sifatnya.

Maka itu, tergolong ke bawah naungan matlamat jangka pendek mereka itu ialah kerja-kerja terancang seumpama: Yang paling utama, cuba menjatuhkan manusia ke lembah syirik dan kekufuran, kerana kerja inilah yang akan menentukan kejayaan sebenar matlamat jangka panjang mereka, iaitu untuk mengekalkan manusia bersama mereka di dalam neraka. Namun, kalau kerja besar itu tidak dapat dilaksanakan kerana kokuatan pertahanan seseorang manusia misalnya, maka langkah-langkah susulan diambil oleh mereka, seumpama: Cuba menjatuhkan manusia ke dalam perbuatan-perbuatan dosa; cuba menghalang manusia daripada melakukan kerja-kerja taat kepada Allah; cuba merosakkan kerja-kerja ketaatan yang sedang dilaksanakan oleh manusia; cuba membuat serangan secara langsung untuk maksud menyakiti manusia sama ada dari aspek badan ataupun jiwa mereka, seumpama merasuk atau memasuki badan manusia sehingga orang berkenaan menjadi terhoyong-hayang tidak sedarkan diri seperti yang terungkap dalam *al-Qur'an*:

[Maksudnya]: “Orang-orang yang memakan [mengambil] riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan [syaitan] itu . . .” (*al-Baqarah*, 2:275).

Dan malahan - sebagaimana yang dicatat oleh Ibn Taimiyyah dalam *Majmu' al-Fatawa* - perihal makhluk jin memasuki badan manusia sehingga

manusia berkenaan mengungkapkan perkataan-perkataan yang tidak boleh difahami maknanya serta memukul-mukul badannya sendiri, merupakan suatu yang terithbat secara *ittifaq* di kalangan para pemuka Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Secara yang lebih khusus dalam hubungan ini Ibn Taimiyyah menjelaskan: "Dari kalangan para pemuka umat Islam tidak terdapat sesiapapun juga yang mengingkari perihal boleh berlakunya kemasukan jin ke dalam badan kalangan orang yang dirasuk atau juga orang lain. Maka itu, sesiapa yang mengingkari perihal tersebut serta mendakwa bahawa Syarak tidak memperakukan hal berkenaan, maka sesungguhnya orang berkenaan telah melakukan pembohonga terhadap Syarak. Sebenarnya tidak terdapat dalil atau bukti Syarak yang menafikan hal tersebut" (al-Ashqar 1984, 62-63).

Seterusnya, menurut pandangan Islam, sebagaimana yang diulas oleh para 'ulama' muktabar, musuh tradisi manusia ini melangsungkan kerja-kerja jahat mereka dengan menggunakan pendekatan dan metodologi yang cukup terancang (al-Ashqar 1984, 67-89). Mereka, malahan, benar-benar *all out* dan bertekad untuk menjayakan misi besar mereka. Maka itu, tergolong ke dalam pendekatan atau metodologi yang mereka gunakan tersebut ialah seumpama: Cuba menghias atau mengindahkan perkara-perkara batil supaya nampak kelihatan seperti perkara hak; cuba menjadikan sesuatu perkara berada pada tahap melampau, sama ada terlampau ke kiri sehingga terlajak, atau terlampau ke kanan sehingga tidak sampai ke tahap yang diperlukan; cuba menghalang seseorang manusia daripada melakukan sesuatu kerja kebaikan dengan cara memujuk mereka supaya berlengah dan malas; cuba menabur janji-janji manis serta angan-angan yang memberangsangkan walaupun semuanya palsu belaka; cuba menampakkan semacam nasihat yang baik supaya manusia melakukan kerja maksiat; cuba membawa manusia ke arah kesesatan secara beransur-ansur; cuba melakukan sesuatu supaya manusia lupa perkara-perkara yang ada kebaikan untuk diri mereka; cuba masuk ke dalam *nafs* atau diri manusia menerusi pintu kegemaran dan keinginan manusia; cuba menabur rasa syak dan syubhah; cuba mempengaruhi manusia menerusi penggunaan arak, judi serta bertenburg nasib; cuba mempengaruhi manusia dengan menggalakkan mereka terlibat dalam kerja-kerja sihir; cuba menguasai manusia dengan menggunakan kelemahan-kelemahan diri manusia sendiri seumpama penyakit-penyakit akhlak tercela yang ada pada diri manusia seperti tamak, dengki, putus asa dan sebagainya; cuba menjatuhkan manusia dengan menggunakan perempuan dan sikap cinta terhadap dunia; cuba menjatuhkan manusia dengan menggunakan nyanyian dan muzik yang melalaikan; cuba menguasai manusia dengan cara

mempengaruhi mereka supaya bersikap sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah-perintah Allah.

Dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan metodologi seumpama di atas, sesungguhnya makhluk jin kafir sudah amat berjaya dalam melaksanakan tugas dan misi mereka. Kerencaman perkara durjana dan jahat yang sentiasa berlangsung di sekitar dunia, khususnya dalam tempoh masa kini, adalah manifestasi dan cerminan yang nyata daripada kejayaan besar projek raksasa mereka. Ternyata benarlah bahawa permusuhan abadi di antara makhluk jin kafir dengan makhluk manusia telah dan akan terus mewarnai sejarah dan peristiwa perjalanan hidup dunia ini. Perjuangan yang dilancarkan oleh masing-masing pihak memberi arah kepada perjalanan kehidupan. Dan kelihatannya dalam perbalahan tradisi ini, khususnya dalam tempoh sekarang, pihak manusia, malangnya, kerap berada di sebelah yang tewas. Sesungguhnya makhluk manusia merupakan makhluk yang tertewas dalam pertarungan ini, sehingga dalam banyak keadaan mereka terpaksa menggadai dan kehilangan jati diri mereka dan, malahan, “meletak jawatan” daripada menjadi manusia.

VI

Bagaimanapun, sepatutnya manusia, khususnya kalangan para Muslim daripada mereka, menyedari hakikat permusuhan abadi ini, kerana mereka sudah diberi petunjuk dan hidayah oleh sumber autoritatif agama mereka, lalu dengan kesedaran itu bangkit bersiap siaga dengan pelbagai kelengkapan yang cukup bagi menjuarai pertarungan abadi ini. Namun, apa yang benar-benar berlangsung dalam kehidupan sebenar umat Islam seluruh dunia, khususnya dalam tempoh masa kini, adalah amat mengecewakan sekali. Kes-kes keruntuhan akhlak di negara kita sendiripun, dalam tempoh sekarang, nampaknya cukup banyak dijuarai oleh umat Islam. Mereka nampaknya kerap menjadi juara dan terkedepan dalam melaksanakan kerja-kerja yang tidak baik. Maka itu, mereka kelihatannya bagaikan terdinding atau terhijab daripada beroleh sinaran hidayah dan petunjuk daripada sumber autoritatif agama mereka yang maha suci.

Perihal yang kita catatkan di atas, yang melibatkan kalangan Muslim, perlu segera dihentikan kelangsungannya, demi kesejahteraan hidup di dunia dan yang lebih utama lagi, di akhirat. Segala usaha dan daya kemampuan sehabis kudrat

perlu digembeling bagi mengusahakan suatu projek raksaksa untuk mengembalikan semula status ketuanan dan jati diri manusia sebagai makhluk terunggul ciptaan Allah dan khalifah Allah di muka bumi ini:

[Maksudnya]: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan” (al-Isra’, 17:70).

Dan untuk mencapai semula status tersebut, tentulah manusia perlu memenangi pertarungan abadi yang sudah terisytihar sejak berkurni tersebut. Dalam hubungan ini, kelihatannya kalangan manusia Muslimlah yang perlu berada di barisan hadapan, sesuai dengan statusnya sebagai pembawa hidayah Allah yang autentisiti hidayah tersebut masih belum, dan malahan sudah terjamin akan terus tidak, terusik. Maka itu, manusia Muslim perlu dipersiapkan pelbagai keupayaan luar dalam diri mereka untuk memungkinkan mereka melaksanakan tugas besar seperti di atas. Dan tentunya ini merupakan satu lagi ruang atau lapangan jihad yang amat perlu disegerakan pelaksanaannya!

Bibliografi

- Al-Ashqar, 'Umar Sulayman. 1984. *'Alam al-Jin wa al-Shayatin.* Kuwayt: Maktabat al-Falah.
- Al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hanbakah. 1966. *al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah.* 2 Jil. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ayyub, Muhammad Hasan. 1971. *Tabsit al-'Aqa'id al-Islamiyyah.* Al-Kuwayt: Maktabat al-Thaqafah al-'Arabiyyah.
- Sabiq, al-Sayyid. t. th. *al-'Aqa'id al-Islamiyyah.* Qahirah: al-Fath li al-A'lam al-'Arabi.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1402H. *Kubra al-Yakiniyyat al-Kawniyyah.* Dimashq: Dar al-Fikr.
- Ibrahim, Salah Abd al-'Alim. 1982. *al-'Aqidah fi Dar' al-Qur'an al-Karim.* Qahirah: Maktabat al-Azhar.
- Ahmad Kilani b. Muhamed. 1991. *Jin dan Hubungannya Dengan Manusia: Satu Analisis Menurut al-Qur'an dan al-Sunnah.* Tesis Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Basir b. Haji Mohamad. 1991. *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat al-Qur'an: Perbezaannya serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan.* Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abd al-Baqi, Muhammad Fuad. 1981. *al-Mu'jam al-Mufahrif li Alfuz al-Qur'an al-Karim.* Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1984. *al-Iman wa al-Hayah.* Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. 1981. *Safwat al-Tafsir.* 3 Jil. Bayrut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Al-Khabbaz, 1972. *al-Ruh fi al-Qur'an.* t. tp.: t. pt.
- Kamus Dewan.* 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.